

Dekan-Dekan Fakulti,
Ketua-Ketua Bahagian,
Pengarah Pusat / Institut,
Universiti Teknologi Malaysia.

Assalamualaikum wr. Wbt.

Y. Bhg. Dato'/ Prof/ Tuan / Puan,

PEKELILING PEJABAT BENDAHARI BIL 10. TAHUN 2010

1.0 Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan penguatkuasaan peraturan kadar maksimum sewa hotel atau mengikut kelayakan yang mana terendah untuk tujuan tugas rasmi/kursus bagi semua staf Universiti Teknologi Malaysia berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 19 Tahun 2010 bertarikh 30 September 2010.

2.0 Latarbelakang

- 2.1 Universiti Teknologi Malaysia telah mendapat pengurangan peruntukan secara keseluruhannya pada tahun 2010 sebanyak 14% daripada pihak kerajaan. Pengurangan tersebut jika diperincikan tanpa mengambil kira peruntukan emolument staf, jumlah sebenar pengurangan bagi peruntukan mengurus jika dibandingkan dengan tahun 2009 adalah sebanyak 34%.
- 2.2 Justeru itu aspek penjimatan perbelanjaan secara berhemah adalah perlu dalam memastikan peruntukan yang diberi mencukupi untuk menampung perbelanjaan mengurus universiti.
- 2.3 Penguatkuasaan ini merangkumi arahan menjalankan tugas rasmi/kursus di dalam negara yang dilakukan oleh pegawai-pegawai UTM sama ada yang berstatus tetap, kontrak, sementara, dan sambilan atau mana-mana staf yang dilantik oleh pihak universiti.

3.0 **Kadar Maksimum Sewa Hotel Bagi Staf UTM untuk tujuan Tugas Rasmi/Kursus**

3.1 Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 19 Tahun 2010 bertarikh 30 September 2010, tuntutan sewa hotel untuk tujuan rasmi/kursus dihadkan ke kadar maksimum sebanyak RM300.00 atau mengikut kelayakan staf mengikut gred, yang mana lebih rendah.

3.2 Kelayakan staf mengikut gred adalah tertakluk kepada Peraturan/Pekeliling Perbendaharaan semasa yang diguna pakai oleh Pihak Universiti.

4.0 **Tarikh Kuatkuasa**

Panduan ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga pindaan dimaklumkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH“

Yang benar,

SHARIFAH ALWIAH BINTI SYED ALWI

Pemangku Bendahari

Telefon: 07-5530267

- s.k
- 1) Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
 - 2) Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - 3) Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)
 - 4) Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - 5) Y. Bhg. Pengarah Kampus, UTM IC
 - 6) Timbalan Bendahari Kanan, UTM IC
 - 7) Ketua Bahagian Kewangan Pejabat Bendahari (Seksyen RMC)
 - 8) Ketua Bahagian Kewangan Pejabat Bendahari (Zon C)
 - 9) Ketua Bahagian Kewangan Pejabat Bendahari (Zon D)